

18 JAN 2002

Insuran

KAKITANGAN KERAJAAN KE LUAR NEGARA DIGALAK AMBIL PERLINDUNGAN INSURAN

ALOR GAJAH, 18 Jan (Bernama) -- Kakitangan kerajaan yang ingin ke luar negara sama ada kerana urusan rasmi atau tidak digalakkan mengambil skim perlindungan insuran bagi melindungi mereka sekiranya berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini.

Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi Prof Datuk Dr Nik Mohd Zain Nik Yusof berkata skim insuran memberi jaminan perlindungan jika berlaku perkara yang di luar jangkaan.

"Kita tidak mengetahui keadaan keselamatan atau kesihatan kita pada masa hadapan terutamanya di luar negara dan jika berlaku perkara yang tidak diingini itu, insuran akan menjadi pelindung dan penyelamat kepada mereka yang mencarum," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Hari Insuran bersama MCIS Insuran Bhd di A Famosa Golf Resort, di sini, hari ini.

Katanya beliau pernah menghadapi satu kes seorang kakitangan kerajaan yang ke luar negara diserang sakit jantung dan terpaksa dimasukkan ke hospital.

"Nasib baik sebelum bertolak ke luar negara, dia (kakitangan terbabit) telah mencarum dengan sebuah syarikat insuran, dengan itu kos rawatan dan penghantaran baliknya ke Malaysia ditanggung oleh syarikat berkenaan yang dianggarkan sebanyak RM500,000," katanya.

Nik Mohd Zain berkata kementerian juga sedang menggubal Dasar Koperasi Negara bagi memantapkan lagi kegiatan koperasi di negara ini untuk memberikan perkhidmatan ekonomi dan sosial kepada rakyat.

Beliau berkata dasar itu menekankan supaya koperasi di negara ini dapat berdikari dengan mempelbagaikan kegiatan mereka selain menyumbang kepada pembangunan negara.

"Kita mempunyai 4,100 koperasi berdaftar dan kira-kira 3,000 daripadanya bergerak aktif manakala jumlah saham anggota sebanyak RM9.6 bilion sementara asetnya pula bernilai RM15 bilion. Jika ia digabung dan digerakkan dengan baik, ia memberikan sumbangan yang besar kepada negara," katanya.

Menurutnya kementerian juga merancang untuk mengadakan Hari Koperasi Nasional pada 27 April ini dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka memberi ucapan utama beliau pada majlis itu.

Nik Mohd Zain berkata bagi membantu koperasi bergerak cergas, kementerian menyediakan Tabung Modal Pusingan dengan pinjaman maksimum RM2 juta dan sehingga kini sebanyak RM150 juta telah diberikan kepada koperasi yang meminjam.

"Kadar faedah yang diberikan antara 0 hingga 6 peratus dan kini dalam usaha untuk ditukarkan kepada sistem pinjaman mengikut syariah Islam," katanya.

-- BERNAMA

SBS NAK